

16/07/2002

Genap 21 tahun Dr M jadi Perdana Menteri hari ini

KUALA LUMPUR, Isnin - Esok genap 21 tahun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri. Beliau menjadi Perdana Menteri keempat pada 16 Julai 1981 menggantikan Tun Hussein Onn.

Sejak dilantik menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir memperkenalkan pelbagai dasar dalam dan luar negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara membangun yang maju.

Antaranya, Wawasan 2020; Dasar Pandang ke Timur; Pengkorporatan Malaysia; Bersih, Cekap dan Amanah; kad perakam waktu dan penerapan nilai Islam dalam pentadbiran.

Pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 22 Jun lalu, Dr Mahathir mengejutkan rakyat apabila mengumumkan peletakan semua jawatannya dalam parti dan kerajaan. Bagaimanapun setelah dirayu Majlis Tertinggi (MT) Umno, Dr Mahathir memutuskan untuk bersara selepas Oktober 2003.

Beliau turut menamakan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya selepas tempoh peralihan kuasa itu.

Pada sidang akhbar sekembalinya dari bercuti di Itali, baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, beliau sudah tentu sedih untuk meletakkan jawatannya kerana sudah menjadi Perdana Menteri dan Presiden parti selama 21 tahun, selain tiga perempat daripada hidupnya ada kaitan dengan parti.

Bagaimanapun, katanya, beliau berpendapat Umno kini sudah dipulih dan sokongan terhadap parti sudah kuat semula.

"Inilah masa saya melepaskan jawatan. Jadi saya tidaklah lari daripada tanggungjawab saya. Kalau saya pergi terlalu awal di waktu parti menghadapi masalah dan lemah seperti keadaan pada 1999, itu nampak seolah-olah saya lari daripada tanggungjawab saya. Sebab itu, saya tunggu sekejap," katanya.